

## BAHAGIAN III

### PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

#### FAKTA UTAMA

	<b>Bilangan Agensi Negeri</b>	<b>30 Akaun Agensi</b>		
<b>PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2019</b>	<b>14</b>	Badan Berkanun Negeri	<b>28</b>	Belum Disahkan
	<b>15</b>	Pihak Berkuasa Tempatan	<b>2</b>	Belum Dikemuka
	<b>1</b>	Majlis Agama Islam		

#### 1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

#### 2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2020, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 30 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2019, iaitu 14 BBN, 15 PBT dan satu (1) MAI. BBN ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) manakala MAI ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi tiga (3) BBN, satu (1) PBT dan satu (1) MAI manakala pengauditan terhadap baki 25 penyata kewangan dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

### 3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 15 Ogos 2020, sebanyak 28 penyata kewangan BBN, PBT dan MAI bagi tahun berakhir 2019 telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara. Berdasarkan surat daripada Pejabat Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan bertarikh 27 April 2020, agensi diluluskan penangguhan tarikh akhir penyerahan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara pada 31 Mei 2020 berbanding 30 April 2020. Kelulusan ini dibuat berdasarkan situasi semasa berkaitan pandemik COVID-19 dan perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 12 Mei 2020.

3.2. Sebanyak tujuh (7) agensi telah mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, satu (1) daripadanya iaitu Yayasan Perak telah mendapat surat kelulusan tambahan tempoh penangguhan penyerahan penyata kewangan sehingga 31 Julai 2020. Dua (2) agensi masih belum mengemukakan penyata kewangan, iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pendidikan Yayasan Perak. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN**  
**DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
<b>PENYATA KEWANGAN 2019</b>		
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	18.05.2020
2.	Lembaga Air Perak	20.05.2020
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	21.05.2020
4.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu Perak	28.05.2020
5.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	28.05.2020
6.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	29.05.2020
7.	Lembaga Muzium Negeri Perak	03.06.2020
8.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	16.07.2020
9.	Majlis Sukan Negeri Perak	27.07.2020
10.	Perbadanan Taman Negeri Perak	28.07.2020
11.	Yayasan Perak	30.07.2020
12.	Amanah Agama Dan Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar	10.08.2020
13.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Belum Terima
14.	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pendidikan Yayasan Perak	Belum Terima
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Daerah Kerian	22.05.2020
2.	Majlis Daerah Tanjong Malim	28.05.2020
3.	Majlis Daerah Gerik	28.05.2020

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
4.	Majlis Bandaraya Ipoh	29.05.2020
5.	Majlis Perbandaran Taiping	29.05.2020
6.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	29.05.2020
7.	Majlis Perbandaran Manjung	29.05.2020
8.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	29.05.2020
9.	Majlis Daerah Kampar	29.05.2020
10.	Majlis Daerah Batu Gajah	29.05.2020
11.	Majlis Daerah Tapah	29.05.2020
12.	Majlis Daerah Perak Tengah	29.05.2020
13.	Majlis Daerah Selama	29.05.2020
14.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	29.05.2020
15.	Majlis Daerah Lenggong	01.06.2020
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak	28.05.2020

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Negeri seperti digariskan di bawah PA 3.1. Pekeliling Perbendaharaan. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards* (FRS)/*Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* yang mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta

Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN**  
**OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2019**

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)</i>	4
2.	<i>Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)</i>	2
3.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i>	22
<b>JUMLAH</b>		<b>28</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

## **5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*. *ISSAI* menetapkan sebanyak dua (2) jenis pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

### **5.1. Pendapat Tanpa Teguran**

Pendapat yang dinyatakan oleh Juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan standard perakaunan yang berkenaan.

### **5.2. Pendapat Diubahsuai**

Pendapat Berteguran, Bertentangan atau Penafian hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila Juruaudit ingin menyatakan Pendapat Diubahsuai seperti berikut:

#### **5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit**

##### **a. Perenggan *Emphasis of Matter***

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, atas pertimbangan Juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

## **b. Perenggan Hal-Hal Lain (*Other Matter*)**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan, atas pertimbangan Juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai Audit, tanggungjawab Juruaudit atau Laporan Audit.

## **c. Perkara Utama Audit [*Key Audit Matter (KAM)*]**

*ISSAI* 1701 menyatakan perenggan Perkara Utama Audit (KAM) meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab mengenai tadbir urus.

### **5.2.2. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit**

#### **a. Pendapat Berteguran**

Pendapat yang dinyatakan oleh Juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti Audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti Audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat, tetapi Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

#### **b. Pendapat Bertentangan**

Pendapat yang dinyatakan oleh Juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti Audit yang mencukupi dan bersesuaian.

#### **c. Pendapat Penafian**

Pendapat ini dinyatakan oleh Juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti Audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, Pendapat Penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun Juruaudit telah

memperoleh bukti Audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 15 Ogos 2020, kesemua 28 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 2019 masih belum dapat disahkan berikutan penangguhan tarikh akhir penyerahan penyata kewangan yang diluluskan oleh Pejabat Kewangan Negeri Perak melalui surat bertarikh 27 April 2020. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun 2015 sehingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN TERHADAP**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TAHUN 2015 SEHINGGA 2018**

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata)			
		2015	2016	2017	2018
1.	Pendapat Tanpa Teguran	28	29	29	27
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	0	0	0	1
3.	Pendapat Berteguran	1	0	1	2
<b>JUMLAH</b>		<b>29</b>	<b>29</b>	<b>30</b>	<b>30</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 hingga 2018

5.4. Bagi tahun berakhir 2018, sebanyak lima (5) penyata kewangan BBN dan tiga (3) penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) telah diberikan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PENYATA KEWANGAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**  
**YANG DIBERIKAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN BERAKHIR 2018**

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada peruntukan rosot nilai dibuat bagi pelaburan dalam syarikat subsidiari tersiar harga iaitu Perak Corporation Berhad yang telah disenarai di bawah PN17 menyebabkan pelaburan dalam syarikat subsidiari terlebih nyata dan perbelanjaan peruntukan rosot nilai berkurangan nyata sejumlah RM158.91 juta.</li> <li>• Tiada peruntukan rosot nilai bagi pendahuluan bayaran tiket kemasukan ke <i>Movie Animation Park Studio</i> (MAPS) berjumlah RM10.81 juta. MAPS telah menghentikan kutipan tiket masuk ke taman tema pada bulan Mei 2019 dan pada bulan Disember 2019 operasi MAPS telah dihentikan.</li> <li>• Kelulusan Lembaga Pengarah tidak diperoleh dan tiada arahan secara bertulis terhadap pembayaran pendahuluan pinjaman pembiayaan <i>Movie Animation Park Studio</i> (MAPS) oleh anak syarikat Perak Corporation Berhad. Bayaran secara terus oleh PKNPk kepada bank telah dibuat melalui '<i>telegraphic transfer</i>' sejumlah RM10.81 juta.</li> <li>• Kelulusan Lembaga Pengarah tidak diperoleh bagi pembayaran sumbangan oleh PKNPk kepada PKNPk FC bagi tahun 2018 sejumlah RM8.91 juta.</li> </ul>

Sumber: Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak Tahun 2018

5.5 Selain itu, penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak juga mempunyai perenggan Hal-Hal Lain adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**  
**DENGAN PERENGGAN HAL-HAL LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR 2018**

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN DENGAN HAL-HAL LAIN
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Hal-hal Lain PKNPk perlu mempertingkatkan rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak Bil. 3 Tahun 1967 untuk disimpan dengan sempurna oleh PKNPk.

Sumber: Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak Tahun 2018

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit beserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Hanya lapan (8) daripada 14 BBN perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.2. Satu (1) penyata kewangan tahun 2017 dan 17 penyata kewangan tahun 2018 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak manakala dua (2) penyata kewangan tahun 2017 dan enam (6) penyata kewangan tahun 2018 masih belum dibentangkan. Penyata kewangan agensi yang masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri bagi tahun 2017 ialah Lembaga Air Perak dan Perbadanan Taman Negeri Perak. Manakala penyata kewangan agensi yang masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri bagi tahun 2018 ialah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Lembaga Air Perak, Yayasan Perak, Perbadanan Taman Negeri Perak, Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak dan Lembaga Muzium Negeri Perak. Penyata kewangan yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIBENTANGKAN**  
**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 15 OGOS 2020**

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DUN
<b>PENYATA KEWANGAN 2017</b>		
1.	Yayasan Perak	15.11.2019
<b>PENYATA KEWANGAN 2018</b>		
1.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	15.11.2019
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	15.11.2019
3.	Majlis Bandaraya Ipoh	12.05.2020
4.	Majlis Perbandaran Taiping	12.05.2020
5.	Majlis Perbandaran Manjung	12.05.2020
6.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	12.05.2020
7.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	12.05.2020
8.	Majlis Daerah Kerian	12.05.2020
9.	Majlis Daerah Tanjong Malim	12.05.2020
10.	Majlis Daerah Tapah	12.05.2020
11.	Majlis Daerah Gerik	12.05.2020
12.	Majlis Daerah Selama	12.05.2020
13.	Majlis Daerah Perak Tengah	12.05.2020
14.	Majlis Daerah Lenggong	12.05.2020
15.	Majlis Daerah Kampar	12.05.2020
16.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	12.05.2020
17.	Majlis Daerah Batu Gajah	12.05.2020

Sumber: Kertas Minit Persidangan Dewan Negeri pada 15 November 2019 dan 12 Mei 2020

## 7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan hanya merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/defisit, aset dan liabiliti bagi agensi. Bagaimanapun, 28 penyata kewangan bagi tahun 2019 yang telah diterima masih belum dimuktamadkan. Sehubungan itu, analisis prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan pada kali ini.

## 8. BIDANG UTAMA AUDIT (*KEY AUDIT AREAS*)

Mulai tahun 2019, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan Bidang Utama Audit [*Key Audit Areas* (KAA)] yang melibatkan aspek utama dalam penyata



keuangan. Bagi tahun 2020, tiga (3) aspek utama telah diberi penekanan iaitu Aset Dalam Pembinaan, Hartanah Pelaburan dan Emolumen dan Saraan Ahli Lembaga Pengarah. Tujuan pengauditan ini dijalankan adalah untuk memastikan KAA yang terlibat dinyatakan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan agensi. Sehingga 15 Ogos 2020, Jabatan Audit Negara masih belum memuktamadkan pengauditan KAA.

## **9. RUMUSAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, sembilan (9) penyata kewangan tahun 2018 telah disahkan. Sebanyak lapan (8) penyata kewangan agensi tahun 2018 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dan satu (1) penyata kewangan agensi telah diberikan Pendapat Berteguran. Setakat 15 Ogos 2020, sebanyak 28 penyata kewangan agensi tahun 2019 masih belum dimuktamadkan manakala dua (2) penyata kewangan masih belum dikemukakan oleh agensi.

## **10. SYOR AUDIT**

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Pejabat Kewangan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

10.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan; dan

10.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.